

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 MEI 2016 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pembenihan awan setiap hari di kawasan empangan	Utusan Malaysia
2.	Kuala Krai, Mersing catat suhu 37 darjah celcius	Harian Metro
3.	Ciptaan beg pelbagai guna Agus bawa tuah	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 3 MEI 2016 (SELASA)

Pembenihan awan setiap hari di kawasan empangan

KUALA LUMPUR 2 Mei - Jabatan Meteorologi melakukan operasi pembenihan awan setiap hari di kawasan empangan yang mempunyai paras air kritikal termasuk di Empangan Timah Tasoh, Perlis.

Ketua Pengaruhnya, **Datuk Che Gayah Ismail** berkata, proses itu dilakukan sejak 12 April lalu bermula di bahagian utara Semenanjung.

Beliau memberitahu, sekarang adalah tempoh sesuai untuk proses pembenihan awan berikutan berlaku awan perolakan yang boleh menyumbang kepada hujan lebat.

"Kita melakukan operasi pembenihan awan setiap hari terutama di kawasan empangan yang mempunyai masalah paras air kritikal seperti di Empangan Timah Tasoh.

"Kos melakukan pembenihan awan adalah kira-kira RM80,000 sehari," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Tambah Che Gayah, sekarang adalah musim peralihan monsun yang memudahkan pembenihan awan dilakukan.

Katanya, peralihan monsun bermula 1 April lalu sehingga pertengahan bulan ini.

Paras air di Empangan Timah Tasoh terus menyusut sebanyak 0.04 meter kepada 26.10 meter semalam walaupun berlaku hujan lebat sejak empat hari lalu di sekitar Perlis.



CHE GAYAH ISMAIL

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, **Abdul Najib Abdullah** berkata, keadaan itu berlaku kerana taburan hujan yang diterima bukan di kawasan dalam empangan tetapi di sekitar luar empangan.

Abdul Najib berkata, bacaan di empangan itu semalam adalah di paras 26.14 meter. Sebanyak 13,000 pemilik akaun domestik terlibat dengan catuan bekalan air dan pengagihan bekalan air terawat di utara Perlis meliputi kawasan di Wang Kelian, Kaki Bukit, Titi Tinggi, Beseri dan Abi sejak 16 April lepas.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 03 MEI 2016 (SELASA)**

Kuala Krai, Mersing catat suhu 37° Celsius

Kuala Lumpur: Biarpun negara sudah menerima hujan sejak seminggu lalu, namun dua kawasan di dua negeri masih mencatat suhu tinggi iaitu lebih dari 37 darjah Celsius.

Sumber Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) berkata, dua lokasi itu adalah di Kuala Krai, Kelantan dan Mersing di Johor.

"Penceparan kaji cuaca mendapati setakat jam 2 petang, Kuala Krai mencatat suhu 37.2 darjah Celsius, manakala Mersing pula 37.7 darjah Celsius.

"Suhu dicatat tinggi kerana cuaca di kawasan itu belum lembap sepenuhnya kerana taburan hujan didapati belum menyeluruh di kedua-dua negeri berkenaan," katanya.

Menurutnya Kota Bharu, Kelantan mencatat bilangan hari tanpa hujan paling lama, iaitu 25 hari selain di Pasir Mas selama 15 hari.

"Manakala, di Terengganu pula, daerah Besut juga tidak menerima hujan selama 15 hari serta 10 hari di Hulu Terengganu.

"Di Mersing, Johor dan Bentong, Pahang juga tidak menerima hujan selama 15 hari," katanya.

Katanya, negara kini berada di fasa peralihan monsun menyebabkan beberapa kawasan di pantai barat Semenanjung, barat Sabah dan barat serta tengah Sarawak mula menerima hujan.

"Kebanyakan kawasan sudah mengalami penurunan suhu sehingga 2.0 darjah Celsius kerana keadaan cuaca yang lembap.

"Hujan dan ribut petir berlaku pada sebelah petang dan senja menjadikan cuaca lembap serta keadaan ini dijangka mengurangkan kesan suhu panas yang berlaku secara beransur-ansur," katanya.

Pada masa sama, katanya, fenomena El Nino mulai lemah kesan penurunan suhu di kawasan tropika timur Lautan Pasifik dan dijangka neutral atau tamat Jun ini.

"El Nino yang menurun secara perlahan memberi kesan terhadap keadaan suhu dan dijangka suhu akan kembali normal.

"Buat masa ini, banyak kawasan dalam negara merekodkan suhu maksimum di bawah 35 darjah Celsius manakala penurunan suhu direkodkan sekitar 0.5 sehingga 2.0 darjah Celsius," katanya.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (IKON) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 3 MEI 2016 (SELASA)**

Ciptaan beg pelbagai guna Agus bawa tuah



Agus (kanan) dan Abdul Jabar menunjukkan hadiah yang dimenangi.

TUAH buat pelajar tingkatan empat Sekolah Seni Malaysia Johor apabila hasil karyanya, beg pelbagai guna yang diberi nama *Life Saver Bag* diangkat sebagai pemenang tempat kedua Pertandingan Reka bentuk Malaysia anjuran Majlis Reka bentuk Malaysia tahun lalu.

Agus Mohd Nawiah berkata, *Life Saver Bag* juga berfungsi sebagai pelampung dan khemah yang boleh memuatkan tiga orang pada satu masa. Katanya, tema bencana alam pada tahun lalu benar menguji kreativiti pelajar untuk mencari idea menghasilkan karya yang memudahkan mangsa berdepan banjir tanpa mengharapkan kepada pasukan penyelamat 100 peratus.

"Hampir dua minggu saya ambil masa berbincang bersama rakan untuk menghasilkan karya yang benar-benar boleh membantu mangsa sebelum, semasa dan selepas banjir.

"Alhamdulillah... saya memperoleh idea menghasilkan beg pelbagai guna yang sangat berguna ketika banjir, kerana selain berfungsi sebagai beg membawa keperluan makanan, ia juga boleh dijadikan pelampung untuk kegunaan ketika air naik dan menjadi khemah sebagai tempat berteduh," katanya.

Agus berkata, dia terkejut ketika menerima jemputan menghadiri majlis penyampaian hadiah

penghujung bulan lalu di Kuala Lumpur kerana penyertaannya tidak mengharapkan kemenangan, sebaliknya sekadar menguji kebolehannya.

Katanya, kos prototaip yang dihasilkan sekitar RM150 menggunakan span dan kain menerik hati juri apabila terpilih sebagai pemenang tempat kedua, sekali gus melayakkannya membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, sijil dan trofi.

"Alhamdulillah syukur sangat dinobatkan sebagai pemenang tempat kedua dan yang paling bangga saya dapat mengharumkan nama sekolah di peringkat kebangsaan."

"Semoga ada pihak yang boleh mengetahahkan hasil karya saya ini, sekiranya benar benar terbukti dapat membantu masyarakat berdepan bencana banjir," katanya.

Sementara itu, Penolong Kanan Seni Sekolah Seni Malaysia Johor, Abdul Jabar Shain berkata, penyertaan tersebut merupakan kali keenam sejak mula menghantar penyertaan sekitar 2010.

Menurutnya, hasil karya yang dihantar pelajarinya tidak pernah ketinggalan untuk diangkat sebagai pemenang dan sering memberikan persaingan sengit kepada sekolah lain.

"Hasil karya pelajar kita pernah dinobatkan sebagai johan dan beberapa kali terpilih sebagai naib johan," katanya.